

[ANALYSIS ON THE ISSUES OF FAITH IN TAFSIR AL-QURAN AL-KARIM]

ANALISA RINGKAS TENTANG ISU-ISU AKIDAH DALAM TAFSIR AL-QURAN AL-KARIM

NADZRAH AHMAD ^{1*}
SOHIRIN MOHAMMAD SOLIHIN ²
AHMAD NABIL AMIR ³

¹ Department of Qur'an and Sunnah, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur.

Email : anadzrah@iium.edu.my

² Department of Qur'an and Sunnah, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur.

Email : sohirin@iium.edu.my

³ Islamic Renaissance Front, Level 8, Pavilion KL, 168 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Malaysia.

Email : nabiller2002@gmail.com.

Received: 8 January 2021

Accepted: 14 February 2021

Published: 22 March 2021

Abstract

This paper will briefly analyze the issues related to belief and faith as discussed in Tafsir al-Quran al-Karim. The tafsir which was written by three North Sumatran exegetes; Abdul Halim Hasan, Zainal Arifin Abbas and Abdul Rahim Haitami exhibits significant approach to different topics of faith. It elaborates among others the issues of belief, disbelief, polytheism, religious hypocrisy and blind imitation. The embodiment of reform idea is apparent throughout the discussion and elaboration of topics within the tafsir. This paper attempts to analyze further these issues by taking into consideration different opinions of Muslim scholars.

Keywords: *Tafsir al-Quran al-Karim, Abdul Halim Hasan, issues, faith.*

Abstrak

Kertas ini menganalisis secara ringkas isu-isu yang berkaitan dengan keimanan dan iktikad sebagaimana dibahaskan dalam kitab Tafsir al-Quran al-Karim. Tafsir ini dikerjakan oleh tiga orang ulama tafsir dari Sumatera Utara; Abdul Halim Hasan, Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami. Ia mengetengahkan metod yang signifikan dalam perbincangan tentang tema dan topik akidah yang rencam. Antara isu yang ditangani termasuklah iman, kufur, syirik, munafik dan taklid buta. Idea-idea pembaharuan dan islah jelas diketengahkan sepanjang perbincangan dan penguraian topik-topik dalam tafsir. Kertas ini cuba menyorot lebih lanjut isu-isu ini dengan perbandingan yang tuntas dari pandangan pentafsir-pentafsir yang lain.

Kata kunci: Tafsir al-Quran al-Karim, Abdul Halim Hasan, isu, akidah.

PENGENALAN

Isu tentang akidah yang dibincangkan dalam *Tafsir al-Quran al-Karim* ini mendedahkan pembaca kepada banyak topik yang berkaitan dengan iman dan etika agama. Kefahaman tentang akidah yang sebenar dan contohnya yang utama dengan jelas dibentangkan di mana pembaca tafsir ini dapat memahami konsep iman dan landasannya yang fundamental, karakteristiknya dan lawan-lawannya. Dalam hal ini, tidak hanya keimanan (*iman*) yang dibincangkan, tetapi turut dibahas kefahaman tentang kufur (*kufr*), munafik (*nifaa*) dan syirik (*shirk*) bagi mencapai matlamat akhir dari tafsir tersebut.

Dalam perbincangan tentang isu-isu yang berkait dengan akidah, Abdul Halim dan timnya banyak merujuk kepada pandangan Shaykh Muhammad ‘Abduh dalam *al-Manar* dan al-Tantawi dalam *Tafsir al-Jawahir*. Dari keduanya, mereka menghuraikan makna dan kefahaman tentang konsep kepercayaan dan juga ciri dan sifatnya yang berkaitan. Penjelasan mereka adalah memadai untuk memenuhi keperluan pengetahuan umat Islam tentang Islam, iman dan amal.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk yang dipilih adalah berbentuk kajian analisis kandungan dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Umumnya, metodologi penulisan Tafsir al-Quran al-Karim dinilai dan dianalisa melalui kitab tafsir tersebut yang ditulis oleh Abdul Halim Hasan dan rakan-rakannya. Data dikumpul daripada buku, jurnal, kertas kerja, artikel persidangan dan sebagainya. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan komparatif (perbandingan).

KAJIAN LITERATUR

Kajian literature bagi tajuk yang serupa tidak menghasilkan penulisan seumpamanya. Penulisan yang memfokus kearah tajuk ini dapat dilihat dalam penulisan Abdul Qadir Umar Uthman al-Hamidy yang mana beliau menggariskan secara detail kajian ke atas metod pentafsir dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Namun jelas sekali isu yang dibangkitkan dalam tafsir tersebut tidak diberi penekanan (Al-Hamidy, 2006). Mustafa Abdullah yang juga mengkaji tentang tafsir ini menekankan kesan ideologi pembaharuan Muhammad Rashid Rida dalam setiap perbahasan tafsiran ayat. Namun tiada kajian ke atas isu-isu akidah dilakukan (Mustafa Abdullah, 2009, h.203). Mazlan Ibrahim juga menyorot kewujudan tafsir ini dalam tulisan beliau yang mengetengahkan barisan tafsir-tafsir Melayu moden. Dalam tulisannya beliau memberi pengenalan terhadap *Tafsir al-Quran al-Karim* dari sudut metod penulisan tafsir secara ringkas dan padat tanpa menyentuh isu-isu yang kedapatan di dalam tafsir tersebut (Mazlan Ibrahim *et al.*, 2009, h.215-245). Kajian lain seperti Muhammad Nur Lubis (2002), buku oleh Majelis Ulama Sumatera (1983), penulisan Howard M. Federspiel (1994) mensasar

kearah memberi maklumat ringkas dan padat berkenaan Abdul Halim Hasan dan rakan-rakannya, latar belakang pentafsir, dan ringkasan sejarah penulisan kitab tafsir tersebut.

ANALISIS DATA, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

1. Iman (*Iman*)

Dalam tafsir ini, penjelasan tentang iman ditampilkan dalam komentar pada ayat 3 dan 4 Surah al-Baqarah. Walaupun topik utama yang dibincangkan dalam ayat adalah mengenai taqwa yang bersambung daripada ayat sebelumnya, dua ayat berikutnya tidak hanya menguraikan konsep taqwa tetapi pada masa yang sama membentangkan kefahaman yang asas tentang iman dalam kehidupan Muslim. Allah berfirman,

“Kitab ini tiada keraguan padanya – suatu petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa (2) Yang beriman dengan yang Ghaib, dan istiqamah dalam solat, dan menafkahkan dari apa yang Kami rezekikan kepada mereka (3) Dan yang beriman dengan apa yang telah diturunkan kepadamu dan apa yang telah diturunkan sebelummu; dan mereka beriman dengan Hari Akhirat” (Al-Quran, 2: 2-4).

Mengulas ayat-ayat ini pentafsir memberikan takrifan ringkas tentang iman; “Iman sebagaimana dinyatakan dalam ayat ini (ayat 3) bermaksud keimanan yang mutlak, penyerahan dan ketundukan” (Abdul Halim Hasan, et al, 1952: jil.1, 37).

Sifat orang beriman yang sebenar disingkap oleh pentafsir dengan mencatatkan, “Adapun orang-orang beriman yang sebenar, mereka yang percaya dengan tiap sesuatu yang diterangkan dalam ayat 3 and 4 Surah al-Baqarah, mereka memikirkan tentang hakikat agama, mengukur amalan mereka dan memperbaiki sikap dan nilai moral mereka mengikut perintah dan larangan al-Qur’an. Ringkasnya, mereka mengikut petunjuk al-Qur’an dalam kegiatan hidup mereka sehari-hari sehingga al-Qur’an menjadi kayu pengukur dalam kehidupan mereka” (Abdul Halim Hasan, et al, 1952: 1/ 42). Selanjutnya, pentafsir menyambung, “Percaya dengan al-Qur’an, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (saw) dipanggil iman dalam agama Islam. Dan melaksanakan tiap sesuatu dalam (kewajipan dari) keimanan (iktikad) dipanggil Islam. Dan mengingkarinya (iman) adalah meninggalkan Islam” (Abdul Halim Hasan, et al, 1952: 1/44).

Takrif yang diberikan oleh pentafsir adalah agak ringkas dan singkat dan hampir sama dengan yang diberikan oleh ‘Abduh. ‘Abduh dalam hal ini mendefinisikan iman sebagai keyakinan yang teguh disertai dengan ketundukan dan penerimaan-diri dan penyerahan (Rashid Rida, 1947, j.1, 126). Takrif yang terperinci dikemukakan oleh al-Baydawi (1418 H, j.1, 37) di mana beliau mendefinisikan iman sebagai pembenaran (*tasdiq* dalam apa yang diketahui sebagai sesuai dalam agama (Nabi) Muhammad (saw) seperti tawhid, kenabian (*nubuwwah*), kebangkitan dan pembalasan, semua terdiri dari tiga perkara; keimanan yang benar, pengakuan terhadapnya, dan beramal mengikutnya. Ia juga ditakrifkan sebagai “mengakui wahyu dari Allah (swt) dan Nabi (saw) dengan mentaati perintah Allah (swt)” (‘Abd al-Rahman bin ‘Abd

al-Khaliq al-Yusuf, 1988, j.1, 19). Ia justeru, “mempercayai Allah dan RasulNya (as); sesiapa yang percaya kepadaNya dan RasulNya (as) adalah mukmin, walaupun dia melakukan dosa besar” (Ahmed, Ziauddin, 1973).

Dalam takrif yang lain, iman dijelaskan sebagai dibenarkan dalam hati, diikrarkan dengan lisan, dan dipraktikkan dengan anggota, bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan dosa (‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman bin Mansur al-Jarbu’, 2003, j.1, 31).

Kesimpulannya, terdapat beberapa unsur yang diperlukan untuk mencapai keimanan. Unsur-unsur ini adalah; percaya kepada Allah (swt) dan apa jua yang dibawa oleh Nabi (saw), mengikrarkan dengan perkataan, dan membuktikan dengan amalan dan tindakan. Tiga unsur ini dipaparkan oleh Abdul Halim sebagai asas-asas keimanan yang mendasar.

Bagaimanapun, idea tentang iman selanjutnya menjadi lebih jelas ketika pentafsir menguraikan tentang sifat orang yang beriman dan perbezaan antara iman, Islam, dan meninggalkan agama atau murtad (*riddah*). Hubungan antara iman dan amal dibahas dan dihuraikan dengan menunjukkan asas-asas keduanya dan kebergantungan antara satu sama lain. Pentafsir memperlihatkan peranan al-Qur’an dan bagaimana ia dapat menjadi faktor dalam meningkatkan iman.

2. Kufur (*Kufr*)

Perbincangan tentang isu kekufuran diketengahkan dalam komentarnya pada ayat 6 Surah al-Baqarah. “Sesungguhnya bagi mereka yang tidak beriman, sama saja baik engkau memperingatkan mereka atau tidak peringatkan: mereka tidak akan beriman” (Qur’an, 2: 6). Abdul Halim memulakan perbincangannya dengan menerangkan sifat orang-orang kafir sebagaimana dinyatakan oleh ayat tersebut dan faktor-faktor yang membawa kepada kedegilan dalam kekufuran. Takrif tentang perkataan “kafir” dikemukakan oleh Abdul Halim, dengan menulis: “Kafir adalah ungkapan Arab bermaksud menutup dan menyembunyikan, dan kafir dalam Shari’ah bermaksud mengingkari Allah (swt) dan tidak mengakuiNya dan tidak mentaatiNya” (Abdul Halim Hasan, et al, 1952: 1/45).

Beliau melanjutkan huraian tentang jenis-jenis kufur yang berbeza: “Terdapat empat jenis kufur; 1) Kufur *Inkar* yakni kekufuran yang mutlak kepada Allah (swt) seperti Firaun, 2) Kufur *Juhud* yakni hatinya mengakui Allah (swt) tetapi lidahnya enggan untuk menyatakannya seperti Iblis, 3) Kufur *Inad* di mana kedua-duanya hati dan lidahnya mengakui Allah (swt) tetapi dia enggan mengamalkannya seperti Abu Talib, 4) Kufur *Nifaq* di mana dia mengakui Allah (swt) dengan lidahnya tetapi mengingkariNya dengan hatinya seperti orang-orang munafik” (Abdul Halim Hasan, et al, 1952: 1/45) Beliau menyimpulkan bahawa semua jenis ini golongan adalah kalangan yang Allah (swt) beritahu Nabi (saw) bahawa mereka tidak akan beriman kepada Allah (swt) baik mereka diperingatkan atau tidak.

Perbincangannya dilanjutkan tentang sifat orang-orang kafir. Dalam hal ini, Abdul Halim menguraikan tentang petunjuk dan peringatan Allah kepada manusia dengan memberikan mereka nikmat pemikiran, penglihatan dan pendengaran yang sempurna. Namun, mereka menolak untuk beriman kepada Allah (swt) dan risalahNya kepada manusia. Beliau menulis, “Dengan ayat ini, Allah (swt) telah menyatakan kepada Nabi (saw) secara spesifik dan

umat Islam secara umum bahawa di kalangan manusia, terdapat mereka yang enggan untuk mempercayai al-Qur'an walaupun ia telah dijelaskan kepada mereka dengan terperinci. Penolakan ini bukan kerana ketiadaan petunjuk al-Qur'an atau kesalahan risalah yang dapat membawa kepada kurangnya keyakinan padanya, tetapi kekurangannya terletak dalam diri mereka yang enggan untuk beriman" (Abdul Halim Hasan, et al, 1952: 1/45, dinukil dari *Tafsir al-Manar*, j.1, 139.) Penjelasan ini menunjukkan bahawa alam jagat mengandungi tanda-tanda yang menunjukkan kewujudan Allah (swt) jika manusia menggunakan pancaindera dan pemikirannya untuk merenung dan berfikir lebih jauh tentang hubungan antara Pencipta dan makhlukNya.

Maksud istilah "kufur" dapat diambil dari takrif yang diberikan oleh ulama-ulama yang utama. Ibn Hazm (t.th., j.1, 49-50) mendefinisikan kufur sebagai, "secara literal bermaksud menutup dan dari segi syar'i bermaksud sikap menafikan sesuatu yang Allah (swt) telah perintahkan untuk mempercayainya, mengikut dalil dan kebenaran, dengan hatinya tanpa lidahnya atau dengan lidahnya tanpa hatinya, atau gabungan keduanya, atau amalan yang disebut dalam teks yang dapat menyebabkan seseorang keluar agama."

Takrif yang lain dapat ditambah bagi memperjelas makna kufur: "menafikan kebenaran tanpa mengetahuinya, ini bermaksud secara jahil menafikan kebenaran dan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Islam tanpa pengetahuan dan ini tidak dianggap keluar Islam. Ia bukan kufur sehingga hujah dan kebenaran telah dizahirkan dan kemudian dinafikan. Seseorang tidak kafir apabila dia telah mengisytiharkan keimanannya kepada Allah (swt) dan Nabi (saw) dan melakukan sesuatu yang membelakangi Islam tanpa mengetahui hakikat bahawa dia telah menyalahi agama" ('Abd al-Rahman bin 'Abd al-Khaliq al-Yusuf, 1988, j.1, 79).

Maksud kufur dalam hal ini ditekankan dalam konteks pengetahuan di mana perbuatan kufur adalah tertakluk kepada pengetahuan tentang kebenaran dan hak untuk percaya. Kerana itu, penafian terhadap kebenaran adalah penolakan terhadapnya setelah mengetahui apa yang benar dan salah (Munqidh bin Mahmud al-Saqqar, t.th., 10) Ia juga adalah perbuatan menafikan, dalam hal ini, menafikan Nabi (saw) dan apa jua yang dibawa olehnya (Al-Qahtani, t.th., 23).

Secara konklusif, maksud istilah kufur mewakili idea pokok yang signifikan di mana perbuatan penafian memainkan peranan utama dalam pemahaman konsepnya. Walaupun sebahagian ulama membincangkan istilah ini sebagai garis meninggalkan Islam sebelum mengetahui tentang kebenaran (*riddah*), idea utama yang diperlihatkan dalam ayat ini adalah tentang *zindik** atau kekufuran tanpa pengetahuan tentang kebenaran. Dalam hal ini, kufur sebenarnya dibincangkan sebagai istilah yang menunjukkan kalangan yang tidak menerima Islam dan menafikan kebenaran. Dalam komentarnya, al-Qurtubi menghuraikan makna kufur dalam ayat ini sebagai berlawanan dengan iman. Beliau menambah bahawa ia dapat juga bermaksud tidak bersyukur (*juhud*) pada nikmat (Al-Qurtubi, 2006, v.1, 280).

Imam al-Qurtubi menyingkapkan sifat-sifat kekufuran yang berbeza di kalangan manusia. Jenis kumpulan yang lain dari kufur membawakan perspektif yang lebih mendetil

* Zindik bermaksud orang yang imannya telah dipesong, orang yang sesat (tidak percaya akan agama Allah yang sebenarnya). Sumber: *Kamus Dewan*, Penyusun: Teuku Iskandar, cet.3, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), hal.1358.

tentang isu ini. Kufur dibahagikan kepada dua kategori utama: kufur besar (*kufur akbar*) dan kufur kecil (*kufur asghar*). Kufur yang besar merangkumi tiga jenis kekufuran; *Kufr al-Takdhib*, yakni penafian terhadap kebenaran (Q.29: 68), *Kufr al-Iblis wa al-Istikbar min al-Tasdiq* (penafian kerana keangkuhan untuk beriman), yakni pengingkaran Iblis untuk sujud kepada Adam (Q.2: 34), *Kufr al-Shakk aw al-Zann* (penafian lantaran keraguan dan prasangka), yakni prasangka ‘Pemilik Kebun’ dalam Surah al-Kahfi (Q.18: 35-38), *Kufr al-I’rad*, penolakan terhadap peringatan (Q.46: 3) dan *Kufr al-Nifaq* (Penafian dengan kemunafikan) (Q.23: 3). Jenis kekufuran seperti ini dianggap keluar agama, manakala jenis kufur yang kecil tidak menyebabkan keluar agama seperti tidak bersyukur terhadap rahmat Tuhan, mencela atau membunuh Muslim yang lain (Al-Qahtani, t.th., 25-26).

T. Izutsu (2006, 18) dalam analisisnya tentang kefahaman semantik al-Qur’an juga mengemukakan dua pengertian kufur yang menunjukkan perbezaan jenis kekufuran ini: *Kufr Din* (keingkaran terhadap agama) dan *Kufr Ni’mah* (tidak mensyukuri nikmat Ilahi).

Dalam menentukan intipati kekufuran, pengetahuan dianggap sebagai kayu ukur yang penting. Dalam hal ini, kufur tidak boleh dituduh melainkan pengetahuan mengenainya dan tentang keimanan telah diraih. Idea ini integral dengan prinsip Shari’ah di mana tiada pertanggungjawaban tanpa pengetahuan (‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Khaliq al-Yusuf. 1988, j.1, 80-81).

Ringkasnya, Abdul Halim dan timnya telah membincangkan mauduk tentang istilah kufur dan juga kefahaman konsepsinya dengan melakarkan kepelbagaian sifat kufur dan kewajipan untuk meraih pengetahuan tentang keimanan. Kupasannya mantap dan substantif untuk memberi pencerahan kepada masyarakat di mana terdapat keperluan untuk membezakan di antara keimanan dalam Islam dan kekufuran, dan juga tanggungjawab setiap orang untuk mencari pengetahuan untuk menjamin ketulenan agama.

3. Syirik (*Shirk*)

Syirik (*shirk*) bermaksud menggantikan sesuatu dalam bentuk pengabdian yang lain selain Allah (swt), sama ada dalam ketuhanannya atau sifat-sifatnya (Salih bin Fawzan bin ‘Abd Allah al-Fawzan, 1412 H, j.1, 31; Abu Bakr Muhammad Zakariya. 2001. j.1, 121). Contoh dari perbuatan tersebut tercermin dalam doa (*du’a*), penyembelihan binatang (*dhibh*), sumpah (*nadhhar*), mencari pertolongan dan bentuk perbuatan yang lain yang tidak boleh dilakukan selain kerana Allah (swt). Ini dianggap sebagai jenis syirik yang terbesar di mana bentuk lain dari penciptaan diambil untuk disembah menggantikan Allah (swt) (Al-Qahtani, 2000, 27).

Kesyirikan di tanah Arab kuno terdiri dari penyembahan kepada berhala-berhala, dan dewa-dewa, yang dianggap sebagai “penyatuan” atau “sekutu” Tuhan (Toshihiko Izutsu. 2002, 130). Syirik dianggap zalim kepada Allah (swt) kerana cara pelayanan yang tidak adil kepadanya dalam menyembah, berdoa, berharap dan merasa terhutang kepada yang lain selainNya (Fadlur Rahman Kalim Kashmiri, t.th., 13-14).

Perbincangan tentang isu syirik ditemui dalam tafsiran pada ayat 2:165 ketika Allah (swt) memaparkan kalangan manusia yang mengadakan serikat dalam kepercayaan dan urusan hidup mereka. Allah berfirman:

“Di antara manusia terdapat sebahagian yang mengadakan tuhan-tuhan di samping Allah yang mereka cintai seperti cinta yang selayaknya kepada Allah. Tetapi mereka yang beriman sangat mendalam kecintaan mereka pada Allah” (Qur’an, 2: 165).

Dalam menafsirkan ayat ini Abdul Halim dan rakan-rakannya menulis, “...Tuhan berfirman dalam ayat ini bahawa manusia yang tak berakal itu telah mengambil di samping Allah (swt) sekutu kerana kepercayaan mereka kepadanya. Mereka memuja benda-benda ini memohon pertolongan, keselamatan dan perlindungan dari malapetaka dan nasib yang malang...” (Abdul Halim Hasan, j.1, 614). Ciri-ciri kalangan yang menyembah sesuatu selain Allah (swt) adalah jelas dengan pernyataan pentafsir. Motif awal dari penyembahan dan pemujaan sesuatu bermula dengan kecenderungan untuk mengharapkan dan mencari tempat berlindung dalam menghadapi gelombang dan ancaman hidup.

Mengingat kenyataan di mana selain dari Allah (swt) yang disembah, kebanyakan ulama tafsir menegaskan bahawa sekutu (*andad*) dibuat sebagai perantara antara manusia dan Tuhan. “Kebanyakan pentafsir menjelaskan bahawa mereka yang menyembah sekutu-sekutu Allah percaya bahawa Allah adalah Tuhan yang sebenar yang telah menciptakan semua benda dan mengurusnya. Sekutu yang disembah oleh mereka dianggap sebagai perantara antara mereka dan Allah dengan harapan bahawa para perantara akan membawa mereka lebih dekat kepada Allah. Mereka bertindak demikian kerana rasa bersalah lantaran dosa dan kejahatan yang mereka telah lakukan di mana mereka tidak berani berdepan langsung dengan Allah dengan diri mereka” (Abdul Halim Hasan et al, j.1, 614, dikutip dari *Tafsir al-Manar*, 1350 H, j.2, 65). Ia disebabkan rasa ketidakcukupan dan kekurangan yang telah mendorong manusia menjantuhkan diri mereka begitu rendah untuk menyembah dan merangkul yang lain ketimbang dari entiti keimanan yang sebenar; Yang Maha Pemurah, Allah.

Bagi memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang *andad* (sekutu), Abdul Halim menjelaskan, “Ringkasnya, maksud perkataan ‘*andad*’ adalah apa jua yang diminta dengan sesuatu yang lazimnya dapat diminta dari Allah, kerana benda yang diminta diketahui oleh peminta sebagai perantara antaranya dengan Allah” (Abdul Halim Hasan, j.1, 615). Dalam merumuskan ini, seseorang dapat mengatakan bahawa *andad* adalah sesuatu yang seseorang bergantung bagi mencapai hasratnya sebagai ganti kepada Allah (swt) dalam keadaan di mana dia sedia menyedari hubungan sebenar antara mereka; bahawa pengganti tersebut hanya perantara belaka.

Tema utama yang dibincangkan dalam isu syirik menerangkan jenis-jenis *andad* yang manusia sering serikatkan Allah dengannya “...dan kalangan yang mencari perlindungan selain Allah seperti meminta dari mereka yang dimuliakan, para nabi, orang-orang salih, raja atau bahkan dari manusia yang berperangai aneh atau dari berhala-berhala dan patung-patung yang didirikan sebagai memperingati sesuatu atau seseorang, semua ini dianggap sebagai mengambil *andad* (Abdul Halim Hasan et al, j.1, 616) Bentuk lain dari mengambil *andad* adalah meminta pertolongan dari wali dan kubur mereka bagi menyembuhkan sebahagian penyakit (Abdul Halim Hasan et al, j.1, 618).

Dalam perbincangan tentang syirik berhubung perbuatan menyekutukan sesuatu dengan Allah (swt), Abdul Halim dan rakan-rakannya memperjelaskan beberapa idea penting yang mendasar kepada pembacanya. Mereka menggariskan contoh-contoh perbuatan syirik yang

lazim di kalangan umat Islam dan pada masa yang sama turut menjelaskan makna dan pemahamannya.

Tafsir Abdul Halim dan rakan-rakannya selaras dengan tafsiran al-Tabari di mana beliau menggariskan dua maksud dari *andad* seperti yang dinyatakan dalam ayat ini; tuhan-tuhan yang disembah oleh kaum musyrikin atau lebih tepatnya berhala-berhala mereka, kedua, pemimpin-pemimpin mereka yang mereka patuh dan tunduk kepadanya. Pengertian ini meliputi makna yang dimaksudkan oleh Abdul Halim dan timnya di mana syirik tidak hanya difahami dengan memuja dan menyembah berhala tetapi dalam kepatuhan dan ketaatan yang tak pantas kepada sebarang manusia yang unggul seperti wali, orang salih, raja, etc.

Syirik adalah akibat dari ketiadaan pengetahuan spiritual di mana manusia menjadi kurang ketahanan spiritual dan beralih kepada bentuk fizikal dalam mencari pergantungan dan penyembahan. Ini sebenarnya yang berleluasa di kalangan manusia (Mubarak bin Muhammad al-Mayla 2001, 41-42). Kemungkinan kerana alasan yang sama manusia beralih kepada pemimpin dan guru spiritual mereka, bergantung kepada mereka dalam mencari jawapan spiritual. Kemudian, pergantungan ini membawa kepada penghormatan yang tak sewajarnya, dan setelah itu kepada pemujaan walau setelah kematian pemimpin ini, pemujaan berlaku di kubur mereka.

Ulama yang lain seperti al-Qahtani (2000, 61-63) juga berpendapat bahawa pemimpin spiritual kemudian dianggap sebagai perantara antara manusia dan Allah (swt). Ini berlaku ketika zaman Nabi Nuh (as) di mana manusia menyembah orang-orang salih dengan membelakangi Allah (swt). Menurut al-Qahtani, ini adalah satu faktor yang membawa kepada syirik yang kemudian membawa kepada pemujaan kubur meminta doa dan syafaat (Q.71: 23). Adapun tentang bentuk syirik, ayat Q.2: 165 menunjukkan jenis syirik yang besar yakni menyerikatkan Allah (swt) dalam kecintaan (*mahabbah*). Jenis kepercayaan ini dianggap terkeluar dari Islam dan membawa dosa yang berat (al-Qahtani, 2000, 73-81; Salih bin Fawzan bin ‘Abd Allah al-Fawzan. 1412 H, j.1, 60-68, 98-101).

4. Munafik (*Nifaq*)

Munafik atau *nifaq* adalah upaya menzahirkan Islam padahal sebaliknya mengingkari dan menentangnya. Menurut al-Jurjani (1983M/1403H, j.1, 245) munafik adalah perbuatan menzahirkan keimanan dengan lidah sementara menyembunyikan kekufuran dalam hati. “Al-Qur’an menyamakan hipokrit dengan kekufuran (*kufr*) dan menghukum kaum munafik dengan api neraka kerana kegagalan mereka untuk membela Islam dengan harta, jiwa raga dan moral” (John. L Esposito, 2003, 121). Menurut al-Shawkani (Abdul Halim Hasan, et al, 1960, j.2, 283, dipetik dari al-Shawkani, 1414 H, j.1, 283) munafik adalah “orang yang menampakkan Islam dan menyembuyikan kekufuran.” Al-Qur’an juga berulang kali mengingatkan umat Islam bahaya yang kemunafikan dapat timbulkan dalam masyarakat (Abdullah Saeed dan Hassan Saeed, 2005, 41).

Terdapat dua jenis kemunafikan, agama dan sikap munafik. Islam menentang keduanya dan tuntas menolak kemunafikan yang melibatkan keimanan. Kemunafikan lahir dalam masyarakat Islam di zaman Madinah setelah hijrah. Di Madinah, Islam berkembang dan

menyebarkan seperti mana menyebarnya kemunafikan di tengah-tengah masyarakat. Terdapat kalangan yang menzahirkan Islam dan dalam masa yang sama menyembunyikan keyakinan mereka yang sebenar dengan berlindung di balik tabir Islam ('Abd al-'Azim Ibrahim Muhammad al-Mat'ini, 1993, 80-81).

Dalam komentarnya pada ayat 204 Surah al-Baqarah; "Di antara manusia terdapat mereka yang perkataannya, dalam hidup ini, menarikmu; dia malah menjadikan Allah saksi akan apa yang ada dalam hatinya, padahal dia adalah pembantah yang tegar." Abdul Halim dan rakan-rakannya menghuraikan, "dalam ayat 204, Allah (swt) memberitahu kita bahawa terdapat kalangan manusia yang suka memperdaya teman mereka dengan mengungkapkan kata-kata yang manis tentang hal-hal yang berkait dengan urusan dunia yang menarik kepada pendengar. Untuk membuatnya lebih menarik, mereka mengadakan pembohongan dengan menarik Allah (swt) ke dalam inti perkara. Malangnya, Allah mengetahui apa yang berada dalam hati mereka yang sangat degil dan keras kepala dan ini adalah musuh Nabi (saw) yang paling ketat. Dan kelompok manusia inilah yang Allah ingin kita jauhi darinya" (Abdul Halim Hasan, et al, 1952, j.14, 874) Kejelasan idea dalam menayangkan sifat sebenar golongan munafik adalah nyata dalam penguraian ini. Karakter yang sebenar dipampangkan kepada pembaca supaya mereka dapat memahami maksud golongan munafik itu dalam ucapan mereka.

Penghujahan tentang kefahaman ayat berhubung kemunafikan juga dikaitkan dengan karakter orang-orang beriman bagi tujuan perbandingan antara dua karakter sebagaimana dikemukakan dalam komentar pada ayat 207, Surah al-Baqarah; "Dan di kalangan manusia terdapat mereka yang menjual jiwanya untuk mencari keridaan Allah, dan Allah adalah Maha Penyayang terhadap hamba-hambanya." Pentafsir mengulas: "Sesudah perbincangan yang panjang lebar dalam tiga ayat tentang mereka yang bermulut manis tetapi mempunyai hati yang busuk (hipokrit), Allah (swt) kemudian melukiskan dalam ayat berikutnya gambaran karakter orang beriman, yang sempurna di dalam dan sempurna di luar, dan berjuang menuntut keridaan Allah (swt)" (Abdul Halim Hasan, et al, 1952, j.14, 875).

Perbincangan tentang karakter dan propaganda palsu munafik turut dibangkitkan, terutamanya dalam perbincangan ayat-ayat Madaniyah dari Surah al-Baqarah. Dalam komentar mereka pada ayat 143 Surah al-Baqarah: "Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang kamu ikuti selain untuk mengetahui kalangan yang mengikut Rasul dari mereka yang berpaling atas dua tumitnya." Pentafsir menukil pandangan *al-Manar*, "Dan diperlihatkan dalam ujian ini, orang-orang beriman yang masih mengikut Rasul (saw) dari kaum munafik, di mana tumit mereka telah berputar oleh angin keraguan. Jika tidak kerana ujian ini, pastinya orang-orang yang beriman dan yang munafik tidak dapat dibezakan; kerana penzahiran mereka yang sama dan perlakuan amalan yang sama yang dituntut oleh Tuhan" (Abdul Halim Hasan, et al, 1957, j.2, 44, dikutip dari *Tafsir al-Manar*, 1350 H, j.2, 8).

Sikap orang-orang munafik terhadap perintah perubahan kiblat menunjukkan keraguan mereka terhadap risalah yang dibawa oleh Rasulullah (saw). Ini dijelaskan oleh 'Abduh dalam *al-Manar*, "Dan apabila orang-orang munafik berkata: (Nabi) Muhammad (saw) pada awalnya mengerjakan sembahyang menghadap Bayt al-Maqdis kerana dorongan Ahli Kitab. Kemudian, disebabkan cintanya pada tanah airnya dan keinginannya untuk mengembangkan tanah airnya, dia berpaling dengan menghadap Ka'bah. Ternyata, (Nabi) Muhammad (saw) adalah seorang

yang tiada ketetapan pendirian. Keraguan ini tidak mempunyai kesan kepada orang-orang beriman. Mereka yang tetap dalam keimanan resah dan kecewa dengan keadaan mereka yang ragu-ragu dalam keimanan mereka. Puak yang lemah dalam keimanan terus berbolak balik kerana kejadian ini” (Abdul Halim Hasan, et al, 1957, j.2, 44, dikutip dari *Tafsir al-Manar*, 1350 H, j.2, 7).

Dalam perbincangan tentang isu munafik (*nifaaq*), Abdul Halim menggariskan ciri-ciri golongan munafik sebagaimana disingkap dalam al-Qur’an. Sebelum itu, beliau telah menghuraikan dengan ringkas pengertian umum dari munafik sebagai bermaksud orang yang bermuka-muka. Penjelasan yang spesifik tentang istilah ini dapat memberikan pemahaman yang lebih baik kepada pembaca. Kemungkinan, pentafsir mendapati bahawa huraian yang diberikan tentang sikap orang-orang munafik dapat memberikan pencerahan dan pemahaman tentang istilah itu. Justeru, jelas bahawa mereka mengetengahkan dan menekankan sifat-sifat kemunafikan ini.

Sepanjang kajian, didapati pandangan Abdul Halim dan rakan-rakannya bersependapat dengan Ibn Taymiyah yang mengupas tentang ciri-ciri golongan munafik seperti dinyatakan dalam al-Qur’an. Mereka mengulangi ciri-ciri tersebut seperti yang dipaparkan dalam tiga belas ayat dalam al-Qur’an dan antara ciri-ciri ini adalah; mereka yang mendakwa beriman dengan lidah mereka tetapi menafikannya dengan hati mereka (Q.2: 8), memperdaya orang-orang Islam (Q.2: 9), tiada ilmu dan keyakinan (Q.2: 10), menyeru kepada kerosakan di bumi (Q.2: 10), menganggap keimanan, sebagai kebodohan (Q.2: 13), menzahirkan keimanan di depan orang-orang Islam dan mengenyepikannya di depan pemimpin mereka (Q.2: 14) (‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman al-Rajihi. t.th. j.6, 4) Perkara ini memperlihatkan persamaan dengan hal yang dibincangkan dan diangkat oleh Abdul Halim dalam tafsirnya.

5. Taklid Buta (*Taqiid*)

Taklid bermaksud beramal mengikut pendapat orang lain tanpa dalil. Muhammad ‘Ali al-Shawkani (2000, 1081) melakarkan definisi yang jelas tentang taklid dalam kitabnya *Irshad al-Fuhul fi Tahqiq al-Haqq min ‘Ilm al-Usul*, “adapun tentang taklid, akarnya dalam bahasa diambil dari ‘*qiladah*’ (tali kekang) yang dililitkan pada leher seseorang dan ini adalah ikatan di leher haiwan korban (*taqiid al-hadyi*), justeru ianya seakan *muqallid* (orang yang bertaklid) menjadikan hukum yang diikutinya dari *mujtahid* (orang yang berijtihad) seperti tali kekang di sekeliling lehernya dari orang yang ia ikut (*mujtahid*). Secara teknikal, ia adalah beramal di atas pendapat orang lain tanpa dalil.”

Taklid juga ditakrifkan sebagai peniruan dan kepatuhan kepada hukum, kebiasaan tradisi dan doktrin-doktrin presiden (pemimpin). Ia sering digunakan oleh reformis moden untuk merujuk kepada kebekuan intelek dan budaya (John. L Esposito, 2003, 314). Pemahaman ini berbeza dari ijtihad di mana keperluan untuk mengeluarkan dalil dan bukti dengan mengerahkan kekuatan mantik seseorang melahirkan pemahaman yang umum tentang konsep. Justeru, ijtihad melantarkan asas ilmu yang kuat bagi seorang Islam untuk berpijak dan untuk menggarap pemahaman tentang sebahagian hukum Islam.

Sebaliknya, taklid membayangkan kebekuan fikiran dan melihat bahawa tiada pengetahuan lanjut yang dapat diperolehi. Menangani isu taqlid, Taha Jabir al-‘Alwani (2005, 65) mencatatkan, “sebelum ijtihad dibataskan kepada kerangka fiqh sepenuhnya, pemikiran umat Islam adalah tercerah, ghairah untuk menangani semua bentuk pemikiran, mampu untuk berhadapan dengan setiap cabaran, memberi penyelesaian umum, dan mencapai tujuannya. Jika bukan kerana taklid dan penaklukkannya ke atas pemikiran Muslim, pemikiran itu akan mencapai hal yang hebat.” Ternyata taklid telah memberi halangan kepada pemikiran umat Islam ke arah penerokaan ilmu dan senario yang buruk ini telah menyebabkan sikap yang terkebelakang dalam pembelajaran dan pencarian ilmu bagi tujuan kehidupan.

Taklid adalah tabiat dalam diri manusia sejak kecil di mana kanak-kanak lumrahnya percaya kepada ibu bapa mereka. Ini sesungguhnya adalah norma di kalangan manusia. Bagaimanapun, ketika Islam datang, Nabi (saw) menolak idea untuk menerima kepercayaan yang berasal dari generasi yang lalu kerana kemungkinan kesalahan iktikad dan kekeliruan dalam keimanan (Muhammad Mutawalli al-Sha‘rawi, 1997, j.2, 701-702). Penolakan terhadap kepercayaan nenek moyang terdiri dari dua aspek; pertama, dengan mengambil dari generasi yang lampau tanpa menimbangkan lebih dulu tentang kebenaran iktikad, dan kedua, dengan hanya menurut kepercayaan nenek moyang sebagai petunjuk dalam akidah akan menyebabkan kekeliruan yang sama dalam iktikad (Muhammad Mutawalli al-Sha‘rawi, 1997, j.2, 703-704). Penggunaan akal adalah penting kerana ia adalah sebab dari bebanan tanggungjawab (*taklif*) kepada manusia. Dalam hal ini, al-Qur’an mencela ketiadaan penalaran pada manusia dan menghukum mereka dengan neraka (Q.67: 10) (Yazid bin Abdul Kadir Jawas, 2006, 67).

Dalam *Tafsir al-Quran al-Karim*, idealnya adalah ke arah mendobrak benteng taklid yang dominan dalam masyarakat. Dalam hal ini, Abdul Halim dan rakan-rakannya menggarap aspirasi pelopor harakat islah, Muhammad ‘Abduh, dalam menjelaskan sebab untuk meninggalkan taklid dan membuka bagi seseorang jalan pembelajaran dan penguasaan ilmu. Abdul Halim membincangkan secara terpisah isu taklid mengikut relevansi ayat dengan topik ini.

Taklid sering dihubungkan dengan kejahilan tentang hikmah di sebalik sesuatu syariat dengan mempersoalkan kebenarannya, keadaan ini jelas dalam perbincangan ayat 142, Surah al-Baqarah di mana kekecohan yang ditimbulkan oleh kalangan yang jahil dalam isu perubahan kiblat; “Orang-orang yang jahil (musyrik, munafik, dan Yahudi) di kalangan manusia akan berkata, “Apa yang telah memalingkan mereka (orang-orang Islam) dari kiblat mereka (Baitulmaqdis) ke arah mana mereka sering menghadapkan wajah mereka dalam sembahyang.” Katakanlah, (Wahai Muhammad saw) “Milik Allah timur dan barat. Dia menunjuki siapa yang Dia kehendaki ke Jalan yang Lurus.”

Abdul Halim dan rakan-rakannya (1952, j.9, 518) menulis: “Orang-orang yang bodoh di kalangan manusia akan berkata: “Apa yang telah memalingkan mereka dari kiblat mereka yang mereka selalu menghadap?” Katakanlah: “Milik Allah Timur dan Barat. Dia menunjuki siapa yang Dia kehendaki ke jalan yang lurus.” (Qur’an, 2: 142) Dalam ayat ini Allah (swt) mengidentifikasi kalangan yang kecoh dengan isu kiblat sebagai orang-orang bodoh. Mereka adalah “kalangan yang merendahkan akal mereka dan enggan untuk menggunakannya

sebagaimana semestinya dan tiada apa yang mereka lakukan selain mengikut pemimpin-pemimpin mereka dan memperbesar-besarkan perkara untuk merugikan Islam.”

Dalam komentar pada ayat 170 Surah al-Baqarah, Abdul Halim merumuskan kenyataan yang dibawa al-Qur’an tentang kesan mengikut kebiasaan dan amalan nenek moyang yang dapat menjurus kepada taklid, terutamanya apabila keadaan berterusan dipraktikkan dalam masa yang lama. “Apabila dikatakan kepada mereka: “Ikutlah apa yang Allah telah turunkan,” mereka berkata: “Sebaliknya, kami akan mengikut (agama) yang kami dapati nenek moyang kami di atasnya.” begitulah, walaupun bapa-bapa mereka tidak memiliki kefahaman sama sekali, tidak pula mereka di atas jalan yang benar?”

Dalam hal ini hanya mengikut adat kebiasaan yang diturunkan oleh nenek moyang dapat lama kelamaan bertukar menjadi kepercayaan dogmatik. Abdul Halim (1952, j.11, 657-658) menulis, “Maka kerana adat yang telah lama diamalkan ia telah sepenuhnya sebatan dan ditiru oleh anak cucu. Mereka telah mempercayai bahawa adat kebiasaan adalah kewajipan ke atas mereka. Jika seseorang datang menasihati mereka tentang kesalahan yang mereka lakukan; mereka akan membantah dengan apa jua cara yang mungkin dengan memberikan alasan dan penghujahan.”

Abdul Halim mengambil pandangan yang pertengahan bersabit dengan mengikut tradisi nenek moyang. Bukan kerana mereka diikuti secara membabi buta tanpa menggunakan akal yang rasional dan pengetahuan seseorang tentang kepercayaan Islam yang asli untuk menentukan kesalahan dan kekeliruan, tetapi untuk berhati-hati memeriksa setiap tradisi dan perspektif yang telah lama berakar dalam masyarakat sebelum mengambilnya dalam keyakinan seseorang. “Sekiranya seorang *muqallid* yang mengikut nenek moyang mempunyai akal pemikiran yang bebas, maka tuntutan ayat ini akan mendorongnya untuk merenung ayat Allah (swt) dan untuk berfikir bahawa manusia adalah benar dalam mengikut nenek moyang mereka, tetapi mereka lebih wajib menggunakan akal mereka untuk mengadili apa yang benar dan apa yang salah yang datang dari mereka (nenek-moyang)” (Abdul Halim Hasan, 1952, j.11, 659). Abdul Halim menekankan kenyataan bahawa nenek moyang adalah manusia semata-mata dan mungkin terkeliru dalam pemahaman mereka. Ini sesungguhnya menunjukkan bahawa hikmah diperlukan dalam menangani maklumat yang datang dari masa lampau.

Dalam contoh yang lain, Abdul Halim mengungkapkan kepentingan menegakkan dalil dalam mengerjakan sesetengah amalan. Beliau bersetuju dengan pengarang tafsir *al-Jalalayn* dan ‘Abduh bahawa berfikir tentang sesuatu menuntut bukti (dalil) dan perlu mengetahui alasan dan implikasinya. Dalam hal ini beliau menegaskan, “Mereka yang dekat dengan kebenaran adalah mereka yang memeriksa dalil yang baik meskipun jika ia salah kerana mereka dapat mencapai kebenaran pada satu hari walaupun setelah terkeliru pada awalnya... dan mereka yang jauh dari kebenaran adalah mereka yang mengikut dengan membabi buta (taklid), menolak untuk mencari kebenaran dan meruntuhkan jambatan kepada pengetahuan (Abdul Halim Hasan et al, 1952: j.11, 661).

Dari analisis tentang tafsiran mengenai isu taklid, jelas bahawa Abdul Halim dan rakan-rakannya mempunyai pemahaman yang jelas tentang topik yang ditanganinya dalam pengertian bahawa mereka sepenuhnya mengharamkan taklid dalam akidah dan mereka menekankan faktor dan kemungkinan masyarakat terheret dalam salah tafsiran dengan mengikut nenek

moyang. Jelas sepanjang perbincangan tentang isu ini, kepentingan ilmu dalam masyarakat dengan tuntas diangkat dan ditekankan oleh pentafsir. Pendirian mereka tentang isu taklid adalah sama dengan pandangan kebanyakan ulama (*jumhur*). Dalam perkara akidah, *jumhur* menegaskan bahawa taklid tidak dibenarkan (Al-Shawkani, 2000, j.2, 1085). Al-Qurtubi (2006, j.3, 15) dalam hal ini, menekankan bahawa ayat 2: 170 Surah al-Baqarah menunjukkan pembatalan taklid. Beliau merujuk dari Ibn ‘Aliyah bahawa taklid dalam perkara akidah (keimanan) tidak diizinkan (Al-Qurtubi, 2006, j.3, 17).

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, Abdul Halim dan rakan-rakannya mempunyai kefahaman yang jelas dalam mengupas konsep-konsep yang berkaitan dengan isu-isu akidah. Mereka juga menerapkan manhaj yang tepat dengan merujuk kepada ulama tafsir yang lain terutamanya para ulama dan *mutakallimun* (ahli kalam) yang muktabar dalam mentafsir dan mengulas isu-isu ini. Penzahiran yang jelas tentang akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dapat dilihat dalam karya ini. Abdul Halim turut memaparkan idea-idea pembaharuan (*islah*) melalui penolakannya terhadap taklid justeru menekankan keutamaan dalil dan bukti yang praktik.

RUJUKAN

- ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman bin Mansur al-Jarbu’. 2003. *Athar al-Iman fi Tahsin al-Ummah al-Islamiyah Didda al-Afkar al-Haddamah*. Al-Madinah: Wizarat al-Ta‘lim al-‘Ali al-Mamlakat al-‘Arabiyah al-Sa‘udiyah.
- ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman al-Rajihi. t.th. “Sharah Kitab al-Iman al-Awsat li Ibn Taymiyyah”, *Shamela*, v.6: 4.
- ‘Abd al-‘Azim Ibrahim Muhammad al-Mat‘ini. 1993M/1414H. *Samahat al-Islam fi al-Da‘wah ila Allah wa al-‘Ilaqat al-Insaniyah Minhajan wa Sirah*. Al-Qahirah: Maktabah Wahabah.
- ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Khaliq al-Yusuf. 1988. *Al-Hadd al-Fasil bayna al-Iman wa al-Kufr*. Kuwayt: Dar al-Salafiyah.
- ‘Abd al-Razzaq bin ‘Abd al-Muhsin al-Badr. 2006. *Asbab Ziyadat al-Iman wa Nuqsanihi*. Al-Madinah: al-Mamlakat al-‘Arabiyah al-Sa‘udiyah.
- Abdullah Saeed, Hassan Saeed. 2005. *Freedom of Religion, Apostasy and Islam*. England: Ashgate Publishing Ltd.
- Abdul Halim Hasan, Zainal Arifin Abbas, Abdul Rahim Haitami. 1952. *Tafsir al-Quran al-Karim*. Penang: Persama Press.
- Abdul Halim Hasan et al. 1960. *Tafsir al-Quran al-Karim*, cet. 2. Medan: Yayasan Persatuan Amal Bakti.
- Abdul Qadir Umar Uthman al-Hamidy, “Tafsîr al-Qur’ân al-Karîm li ÑAbd al-×alÊm ×asan wa Akharayn: DirÊsah Manhajiyyah wa TaÑrÊban li al-Juz’ al-Awwal Minhu”, (Ph.D. thesis, University of al-Azhar, 2006

- Abu Bakr Muhammad Zakariya. 2001. *Al-Shirk fi al-Qadim wa al-Hadith*. Al-Riyad: Maktabat al-Rushd.
- Al-Baydawi, Abu al-Khayr ‘Abd Allah bin ‘Umar bin Muhammad bin ‘Ali. 1418H. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*, ed. Muhammad ‘Abd Al-Rahman. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Jurjani, ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali al-Zayn al-Sharif. 1983M/1403H. *Kitab al-Ta’rifat*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qahtani, Sa‘id ibn ‘Ali. 2000. *Nur al-Islam wa Zulumat al-Kufr fi Daw’ al-Kitab wa al-Sunna*. Al-Riyad: Matba‘ah Safir.
- Al-Qahtani, Sa‘id ibn ‘Ali. 2000. *Nur al-Tawhid wa Zulumat al-Shirk fi Daw’ al-Kitab wa al-Sunnah*. Al-Riyad: Fahrasat Maktabat al-Malik Fahd al-Wataniyah.
- Al-Qurtubi. 2006. *Al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*, ed. ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkiy. Bayrut: Mu`assasat al-Risalah.
- Al-Shawkani, Muhammad ibn ‘Ali ibn ‘Abd Allah. 1414H. *Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Al-Shawkani. 2000M/1421H. *Irshad al-Fuhul fi Tahqiq al-Haqq min ‘Ilm al-Usul*, ed. Abi Hafis Sami ibn al-‘Arabi. Al-Riyad: Dar al-Fadalah.
- Al-Tabari, Abu Ja‘far Muhammad ibn Jarir. 1420H. *Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Qur’an*, ed. Ahmad Muhammad Shakir. Bayrut: Mu’assasat al-Risalah.
- Ahmed, Ziauddin, “Ahmad b. Hanbal and the Problems of Iman” *Islamic Studies* (Dec.1973), 12, no.4, 261-270.
- Howard M. Federspiel, *Popular Indonesian Literature of the Qur’Én*, (New York: Cornell Modern Indonesia Project, Southeast Asia Program, Cornell University, 1994),
- Fadlur Rahman Kalim Kashmiri. t.th. *The Many Shades of Shirk*. terj. Khola Hasan. Al-Riyad: Dar al-Salim.
- John. L. Esposito. 2003. *The Oxford Dictionary of Islam*. New York: Oxford University Press.
- Ibn Hazm. t.th. *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, ed. Ahmad Muhammad Shakir. Bayrut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Majelis Ulama Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara*, (Sumatera: Institut Agama Islam Negeri Al Jamiah, 1983
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir, Mohd. Najib Abdul Kadir, *Pengenalan Tokoh dan Kitab-Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*, (Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009)
- Mubarak bin Muhammad al-Mayla. 2001. *Risalat al-Shirk wa Mazahiruhu*, ed. Abu ‘Abd al-Rahman Mahmud. Al-Riyad: Dar al-Rayah.
- Muhammad Mutawalli al-Sha‘rawi. 1997. *Khawatir Hawl al-Qur’an*. t.tp.: Mutabi‘ Akhbar al-Yawm.
- Munqidh bin Mahmud al-Saqqar. t.th. *Al-Takfir wa Qawabihuhu*. t.tp.: Rabitat al-‘Alam al-Islami.
- Mustaffa Abdullah, *RashÉd RÊdÉ Pengaruhnya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009), 203.
- Rashid Rida. 1947M/1366H. *Tafsir al-Manar*. Kaherah: Dar al-Manar.

- Salih bin Fawzan bin ‘Abd Allah al-Fawzan. 1412H. *Al-Irshad ila Sahih al-I‘tiqad wa al-Radd ‘ala Ahl al-Shirk wa al-Ilhad*. Al-Riyad: Al-Ri`asat al-‘Ammah li Idarat al-Buhuth al-‘Ilmiyah wa al-Ifta’ wa al-Da‘wah wa al-Irshad.
- Taha Jabir al-‘Alwani. 2005. *Issues in Islamic Contemporary Thought*. London: International Institute of Islamic Thought.
- Toshihiko Izutsu. 2002. *Ethico-Religious Concepts in the Quran*. Canada: McGill University Press.
- Toshihiko Izutsu. 2006. *The Concept of Belief in Islamic Theology: A Semantic Analysis of Iman and Islam*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Yazid bin Abdul Kadir Jawas. 2006. *Syarah Aqidah Ahlus Sunnah wal Jama‘ah*. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi‘i.